

ConRed'20

SEMINAR

PEMBENTANGAN & PENYELIDIKAN

PMKU 2020

**12 NOVEMBER
2020
KHAMIS**



POLITEKNIK METRO KUANTAN



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO KUANTAN

PRAKATA

Seminar Pembentangan & Penyelidikan ini adalah sebuah seminar tahunan yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi PMKu. Bagi PMKu, pengetahuan adalah sebab utama kewujudannya, kajian dan penyelidikan merupakan wadah paling penting, serta mampu memberikan pengalaman pembelajaran paling berharga.

Antara objektif utama seminar ini ialah:

- a) Mengetengahkan hasil penyelidikan yang boleh dimanfaatkan oleh jabatan dan pihak yang berkepentingan
- b) Berkongsi pengalaman dan hasil kajian tindakan dalam bidang pendidikan.
- c) Membincangkan isu-isu kepentingan sepunya ke arah tindakan bersama melalui wacana intelektual dan penyampaian saranan.

Sebagai seorang penyelidik dan pensyarah dalam bidang ini dan juga sebagai penyelia pelajar diploma secara penyelidikan, pensyarah memerlukan pengetahuan dan kemahiran agar dapat memberi panduan kepada pelajar mengenai tajuk-tajuk yang hendak dijalankan dan bagaimana caranya menjalankan penyelidikan yang berkualiti atau sesuai dengan masalah yang ada. Seminar ini memberi peluang dan ruang kepada PPPT untuk berkongsi dapatan kajian melalui wacana intelektual dan penyampaian saranan.

Sehubungan itu, penyelidikan yang dijalankan IPTA perlu berpandukan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang antara lain bertujuan memperkasakan penyelidikan dan inovasi. Kementerian Pendidikan Malaysia memberi perhatian serius terhadap penyelidikan dan IPTA perlu bertanggungjawab menghasilkan penyelidikan yang bermanfaat dan seiring dengan inovasi



Pengarah Program ConRed'20

Seminar Pembentangan & Penyelidikan PMKu 2020

Politeknik METrO Kuantan



ConRed'20
SEMINAR
PEMBENTANGAN & PENYELIDIKAN
PMKU 2020



Hak Cipta Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Jabatan Pelancongan & Hospitaliti
Politeknik METR^O Kuantan
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2, Sri Dagangan 11,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur
MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
 PENYIMPANAN SKRIP PENILAIAN BERTERUSAN (PB) PELAJAR MENGGUNAKAN GOOGLE DRIVE Oleh: <i>Norsidah Binti Othman</i>	1
 IMPAK PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) Oleh: <i>Sharizainor Sharina Binti Mohamed Sharif</i>	2
 IMPAK PROGRAM KESUKARELAWAN TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG SRI MAHKOTA Oleh: <i>Rofidza Binti Ramli</i>	3
 KUANTAN RIVER TOUR: ATTRACTIONS AND INFORMATION FACILITIES Oleh: <i>Anis Shabirah Binti Md Isa</i>	4
 TAHAP KEPUASAN PELANCONG YANG MENGUNJUNGI PULAU TIOMAN Oleh: <i>Zarina Binti Mokhtaruddin</i>	5
 EDUCATION INNOVATION OF SUSTAINABLE TOURISM APPLICATION Oleh: <i>Nur Hidayah Binti Hilimi</i>	6
 PENGGUNAAN VAK EDU GUIDE DALAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP DOKUMEN STANDARD MALAYSIA (MS1500:2009) Oleh: <i>Nadiatul Hanis Binti Jailani</i>	7
 E-LEARNING AS TEACHING AND LEARNING METHOD IN COVID19 CRISIS FOR MALAYSIAN POLYTECHNIC Oleh: <i>Sadariah Binti Mohd Ariff</i>	8



TAJUK

PENYIMPANAN SKRIP PENILAIAN BERTERUSAN (PB) PELAJAR MENGGUNAKAN GOOGLE DRIVE

Norsidah Othman

Tourism and Hospitality Department
norsidah@pmku.edu.my

ABSTRAK

Penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting yang dapat membantu meningkatkan keberkesanannya proses pengajaran dan pembelajaran di samping dapat mencungkil potensi dan bakat pelajar. Sistem penilaian kini memberi penekanan kepada penilaian berterusan yang bertujuan membantu pembelajaran pelajar. Penilaian juga boleh bertindak sebagai alat pengukur untuk menunjukkan kecekapan dan keberkesanannya pembelajaran. Pihak pensijilan Malaysia Quality Accreditation (MQA) telah mensyaratkan pensyarah supaya menyimpan skrip penilaian berterusan pelajar sebanyak 9 orang iaitu 3 orang pelajar yang mendapat markah tinggi, 3 orang pelajar mendapat markah sederhana dan 3 orang pelajar yang mendapat markah rendah. Skrip pelajar akan di fotostat dan disimpan ke dalam fail selama 2 tahun. Permasalahan yang dihadapi oleh pensyarah ialah terlalu banyak masa yang diperlukan untuk mengurus PB pelajar, pembaziran penggunaan kertas dan menggunakan ruang penyimpanan fail yang banyak. Platform Google Drive tempat penyimpanan penilaian berterusan pelajar. Inovasi ini diharapkan dapat menjimatkan kos penggunaan kertas dan menjimatkan ruang penyimpanan fail di ruang kerja.

TUJUAN

Penyimpanan Berterusan penilaian berterusan pelajar menggunakan Google drive adalah bertujuan untuk menjimatkan penggunaan kertas , menjimatkan ruang penyimpanan fail di ruang kerja.

KAEDAH PERLAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan melibatkan 5 fasa iaitu Analisis , rekabentuk, pembangunan, pelaksanaan , Penilaian.

KEBERKESANAN

Menjimatkan kos penggunaan kertas. Memudahkan pensyarah dan jk akademik mengurus skrip Penilaian Berterusan Pelajar. Menjimatkan ruang penyimpanan fail di ruang kerja Memudahkan Unit kualiti memantau skrip Penilaian Berterusan Pelajar yang disimpan dalam platform google drive



TAJUK

IMPAK PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DI POLITEKNIK METR0 KUANTAN

Sharizainor Sharina Binti Mohamed Shariff¹, Nadiatul Hanis Binti Jailani²

Unit Pengurusan Jaminan Kualiti
sharina@pmku.edu.my, nadiatul@pmku.edu.my

ABSTRAK

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) diperkenalkan untuk memenuhi keperluan menghasilkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif relevan kepada jabatan /agensi sektor awam di Malaysia. Dalam konteks Politeknik METR0 Kuantan (PMKu), pensijilan EKSA mampu meningkatkan mutu kerja serta kredibiliti institusi dalam memberi perkhidmatan pendidikan terbaik kepada pelanggan di dalam mahupun luar institusi. PMKu mampu membina jenama yang tersendiri sebagai pemberi perkhidmatan pendidikan TVET yang terbaik dirantau ini. Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi warga PMKu terhadap pelaksanaan EKSA dan mengenalpasti impak pelaksanaan EKSA di PMKu. Kajian ini dilaksanakan di PMKu dan melibatkan warga PMKu. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Terdapat lima bahagian dalam kajian ini iaitu demografik, kualiti kerja, persekitaran kerja dan pembudayaan amalan EKSA. Berdasarkan daripada dapatan kajian, kesemua respondan bersetuju bahawa pelaksanaan EKSA dapat meningkatkan mutu kualiti kerja, mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas, ceria dan selamat. Amalan EKSA diamalkan oleh semua warga PMKu tanpa mengira jawatan atau pangkat. Pelaksanaan EKSA mewujudkan satu budaya kerja berpasukan yang mantap dalam organisasi. Pensijilan EKSA diyakini mampu meningkatkan mutu perkhidmatan malah identiti, imej dan juga motivasi warga PMKu.

TUJUAN

Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi warga PMKu terhadap pelaksanaan EKSA dan mengenalpasti impak pelaksanaan EKSA di PMKu

KAEDAH PERLAKSANAAN

Kajian ini dilaksanakan di PMKu dan melibatkan warga PMKu. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Instrumen ini dihahagikan kepada lima bahagian iaitu demografi, kualiti tenaga kerja, kualiti kerja, persekitaran kerja dan pembudayaan amalan EKSA. Bahagian demografi menilai latar belakang responden dan tahap pengetahuan setiap responden terhadap EKSA.

KEBERKESANAN

Kajian ini membantu Unit Pengurusan Jaminan Kualiti mengetahui persepsi warga PMKu terhadap pensijilan yang dimohon serta impak pensijilan terhadap kualiti kerja warga PMKu. Kajian ini boleh digunakan sebagai tentu ukur bagi pihak pengurusan bagi meneruskan pensijilan semula di Politeknik. Bagi pihak industri, kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam pelaksanaan EKSA di agensi masing-masing.



TAJUK

IMPAK PROGRAM KESUKARELAWAN TERHADAP KOMUNITI KAMPUNG SRI MAHKOTA

Rofidza Binti Ramli

Tourism and Hospitality Department
rofidzaramli@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai impak terhadap program kesukarelawan terhadap komuniti di Kampung Sri Mahkota. Pendekatan dalam kesukarelawan dengan penglibatan pelajar bersama komuniti adalah bertujuan untuk membantu masyarakat terutamanya dalam menangani masalah sosial di kalangan masyarakat. Penyelidik juga berpendapat dengan program ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim diantara sukarelawan dengan komuniti dan dapat membantu komuniti terutamanya dalam menambah ilmu pengetahuan bagi pembungkusan produk Industri Kecil Sederhana (IKS) dan kaedah penyembelihan haiwan ternakan yang betul. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah skor meter skala dalam membuat penilaian kepuasan hati dalam menilai keberkesanan program ini bagi maklumbalas sukarelawan dan komuniti. Ini adalah bertujuan untuk menilai samada objektif dan impak dalam program tercapai. .

TUJUAN

Meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan penyembelihan serta kaedah penyimpanan dan kebersihan bahan masakan, mempelajari kemahiran pembungkusan untuk mempromosikan produk IKS dan melahirkan pelajar yang mepunyai daya saing dalam melaksanakan kebijakan kepada komuniti setempat.

KAEDAH PERLAKSANAAN

Kaedah kuantitatif. Skor meter skala penilaian kepuasan perkhidmatan kualiti digunakan bagi tujuan penambahbaikan dalam program sukarelawan. Skala tersebut terdiri daripada berpuas hati, biasa dan tidak berpuas hati.

KEBERKESANAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati majority pengusaha produk IKS di Kg. Sri Mahkota amat berpuas hati kerana dapat mempelajari cara pembungkusan produk yang betul dan sesuai untuk dipasarkan. Manakala bagi komuniti yang mengambil kursus penyembelihan haiwan ternakan juga berpuas hati kerana mereka dapat mempelajari teknik-teknik penyembelihan yang betul dan mendapat pengiktirafan penyembelihan melalui sijil penyertaan. Begitu juga dengan sukarelawan PMKu kerana pelajar dapat berkongsi ilmu yang telah dipelajari di Politeknik METR0 Kuantan dengan komuniti di Kg. Sri Mahkota. Dengan adanya program sebegini dapat melahirkan mahasiswa yang berjiwa mulia, bertanggungjawab, berbakat dan berkeupayaan dalam membantu masyarakat.



TITLE

KUANTAN RIVER TOUR: ATTRACTIONS AND INFORMATION FACILITIES

Anis Shabirah Binti Md Isa

Tourism and Hospitality Department
anis@pmku.edu.my

ABSTRACT

Tourists or travelers prefer attractive cruising destinations, excellent geographical locations, diversified oriental cultures, local wildlife, rich tourism resource and exotic experiences in their cruising activities. In this matter attractions and information facilities plays an important role to provide attractive destination. This study is to discover facilities and attractions toward the Kuantan River Cruise Tour (KRT), Pahang. It also examine the attraction at KRT stop point destination and identify the tourism information facilities provided at KRT surroundings. This is a quantitative analysis method. The paper consists of two sections that are respondent demographic in Section A, facilities and attraction in Section B. The data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS). Based on the results 70% respondents agreed on facilities provided at KRC surroundings, 88% agreed on the attraction at KRC destination. The findings can provide Pahang's tourism stakeholders regarding the facilities and attraction of KRT for better improvements strategies for future tourism development in Pahang.

OBJECTIVES

- To examine the attraction at KRT destination.
- To identify the tourism information facilities provided at KRT surroundings.
- To provide Pahang's tourism stakeholders regarding the facilities and attraction of KRT for better improvements strategies for future tourism development in Pahang.

METHODOLOGY

The methodology is the process used to collect information and data to make decisions. Twenty sets of pilot test questionnaires were carried out in order to ensure respondents understand the questions. There were 132 sets of Actual Questionnaire distributed to public at Taman Esplanade, Jetty Shahbandar and Kuantan city area. The questionnaire consists of two sections the respondent's data in Section A and the study questions in Section B. The questions were about facilities and attractions of KRT activities.

IMPACT

Result from the questionnaire shows respondent prefers a large numbers of passengers in one trip compare four to five person per trip. Next facilities issue is the information image at the KRT surroundings whereby 86% to 94% respondents agreed that information of the destination is important. In this matter the stakeholders could take an action to updates information boards of the destination. KRT is potential to be an establish attraction. Therefore stakeholders should cooperate and carefully plan how to establish the facilities and attractions in order to groom KRT to be more competent in cruising.

Students: Tourism students able to identify and experience another nature spot in tourism industry.

Institution: The study and suggestions able to uphold the level of polytechnic with other institution.

Industry: A cooperation among stake-holders to establish KRT as another establish attraction in Pahang.



TAJUK
TAHAP KEPUASAN PELANCONG DI PULAU TIOMAN

Zarina Binti Mokhtaruddin¹, Diniha Hidayah Binti Abdul Manan²

Tourism and Hospitality Department

zarinamokhtar82@gmail.com
diniha85@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tinjauan mengenai tahap kepuasan pelancong yang mengunjungi Pulau Tioman yang terletak di negeri Pahang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelancong yang mengunjungi Pulau Tioman serta untuk memberi cadangan penambahbaikan ke atas kualiti perkhidmatan dan produk pelancongan yang ditawarkan di destinasi peranginan tersebut. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada 14 item dengan menggunakan skala Likert 5 pemeringkatan untuk mengukur tahap kepuasan pelancong yang mengunjungi pulau ini. Teknik persampelan yang digunakan adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan dan kajian ini melibatkan 40 orang responden yang terdiri daripada pelancong berdasarkan data nominal iaitu lelaki dan perempuan. Penyelidik menganalisis hasil dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif bagi mengukur nilai peratus, skor min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan kombinasi dua perisian iaitu Microsoft Excel dan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 26. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelancong di Pulau Tioman berada pada tahap tinggi bagi kesemua item soal selidik yang dikemukakan berdasarkan analisis skor min dan sisihan piawai yang telah dilakukan.

Kata kunci : Tahap kepuasan, pelancong, Pulau Tioman

TUJUAN

Penyelidikan ini secara amnya adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan pelancong yang mengunjungi Pulau Tioman. Oleh yang demikian, penyelidik telah menyenaraikan objektif khusus tentang penyelidikan ini iaitu :-

- i. Mengenalpasti tahap kepuasan pelancong yang mengunjungi Pulau Tioman, Pahang
- ii. Mencadangkan penambahbaikan ke atas kualiti perkhidmatan dan produk pelancongan yang ditawarkan di Pulau Tioman

KAEDAH PERLAKSANAAN

Kaedah pelaksanaan melibatkan 4 fasa iaitu Pesampelan Kajian, Instrumen Kajian, Rekabentuk Kajian dan Analisis Data menggunakan SPSS dan Microsoft Excel.

KEBERKESANAN

Students : Meningkatkan kebolehan pelajar dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Institution: Meningkatkan imej institusi dalam aktiviti bersama pihak industri.

Industry : Mempromosikan aktiviti PMKu kepada pihak luar.



TITLE

EDUCATIONAL INNOVATION OF SUSTAINABLE TOURISM APPLICATION

Nurhidayah Binti Hilimi

Tourism and Hospitality Department
hidayah@pmku.edu.my

ABSTRACT

Educational innovation in Politeknik METrO Kuantan is very suggested to be implemented in theoretical subjects. One of the subjects that needs to be innovated is DTM6033 Sustainable Tourism. A survey consists of 30 respondents from Politeknik METrO Kuantan and Politeknik Muadzam Shah who are in Semester 5 and Semester 6. Analysis of acceptance about this application shows that majority of students agreed that this application will help them to understand more on DTM6033 Sustainable Tourism subject. Mean for item 'animation used is interested' show the highest mean score which is 4.23. The highest mean score indicate that animation used in this application can capture interest of the students to learn through animation. The lowest mean score is 'This application can save the cost' which is 3.67. Average mean score for student's acceptance towards sustainable tourism application was 3.96. Average mean score was high because most of respondents think that this application can be one of the tools of teaching and learning inside or outside polytechnic As a conclusion, this application can help students enjoy learning this subject if there are some improvements such as put more pictures, clear explanation and give simple examples into this applications. This application can be marketed into Playstore and well used by all students in Politeknik Malaysia.

Keywords: education, innovation, sustainable tourism application

OBJECTIVES

The Objectives of this research are:

- To help student understand and learn this topic by using this "Educational Innovation of Sustainable Tourism" product.
- To create the product that have visual through picture, audio and video.
- To identify acceptance of students about this products.

METHODOLOGY

The method used is quantitative,

- i. where questionnaires distributed to 30 respondents from Politeknik Muadzam Shah and Politeknik METrO Kuantan (age 18 to 30 years old).
- ii. the data collected were analyzed using the SPSS program by using descriptive statistics such as mean and standard deviation to answer each of the study questions addressed.

IMPACT

Students: Improve students ability, Gain knowledge anywhere at anytime

Institution: New innovation tools for teaching and learning, fun and easy teaching skills

Industry : Can fulfill the need of IR 4.0, Can be one of digitalization tool



TAJUK

PENGGUNAAN VAK EDU GUIDE DALAM MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP DOKUMEN STANDARD MALAYSIA (MS1500:2009)

Nadiatul Hanis Binti Jailani¹, Sharizainor Sharina Binti Mohamed Shariff², Hafizah Binti Ismail³

Tourism and Hospitality Department
topaz47@gmail.com

ABSTRAK

Setiap individu dilahirkan dengan ciri-ciri peribadi yang berbeza. Ciri-ciri ini akan mempengaruhi gaya pembelajaran mereka iaitu cara seseorang pelajar menerima, mengumpul, memproses dan mengeluarkan semula maklumat. Fokus *VAK Edu Guide* adalah untuk membantu pelajar memahami Garis Panduan Umum MS1500:2009 Makanan Halal- Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan. Pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan Amalan Halal khususnya perlu memahami dan mahir dokumen tersebut. Sehubungan itu, kaedah pembelajaran yang interaktif menggunakan *VAK Edu Guide* dilihat mampu membantu pelajar memahami maklumat diterima dan disimpan untuk ingatan jangka panjang. Selain itu, pelajar boleh membuat ringkasan dan berbincang secara berkumpulan berpandukan video PdP yang mudah diakses pada *VAK Edu Guide*. *VAK Edu Guide* dilengkapi dengan soalan latihan bagi mengukuhkan pengetahuan pelajar berkaitan garis panduan tersebut. Merujuk kepada Modul Inspirasi Diri respondan, 36.7% mempunyai gaya pembelajaran visual, 26.6% gaya pembelajaran auditori dan 36.7% gaya pembelajaran kinestatik. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, peratus pemahaman pelajar yang menggunakan *VAK Edu Guide* adalah lebih tinggi iaitu 77.3% berbanding penggunaan dokumen MS1500:2009 (48.0%). Pemahaman pelajar dapat ditingkatkan dengan bantuan *VAK Edu Guide*. *VAK Edu Guide* diharap dapat membantu pelajar Politeknik khasnya dan individu yang berminat mendalami bidang halal.

TUJUAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar Diploma Perkhidmatan Makanan semester 3 dan mengenalpasti tahap pencapaian pelajar bagi dokumen MS1500:2009 dengan menggunakan *VAK Edu Guide* melalui ujian pra dan pasca

KAEDAH PERLAKSANAAN

Kaedah perlaksanaan pengumpulan data kajian adalah berdasarkan ujian pra dan pasca bagi subtopik dan kaedah temubual dan pemerhatian.

KEBERKESANAN

Memberi kefahaman yang lebih baik kepada pelajar terhadap dokumen standard Malaysia dengan menggunakan *VAK Edu Giude*. Mengurangkan tekanan dan pelajar dapat terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mempelbagaikan kaedah PdP dengan menjadikan *VAK Edu Guide* sebagai alat bantu mengajar. Memberi peluang kepada pihak industri untuk lebih mudah memahami dokumen Standard Malaysia menggunakan *VAK Edu Guide*.



TITLE

**E-LEARNING AS TEACHING AND LEARNING METHODS IN COVID-19 CRISIS FOR
MALAYSIAN POLYTECHNIC**

Sadariah Binti Mohd Ariff

Tourism and Hospitality Department
sadariah@pmku.edu.my

ABSTRACT

The novel coronavirus disease 2019 (COVID-19) has caused a rapid and massive transition to online education. E- learning is an innovative approach for delivering electronically mediated, well-designed, learner-centered interactive learning environments by utilizing internet and digital technologies. This paper presents the role of e-learning as teaching and learning methods in COVID-19 crisis for Malaysian Polytechnic consider of the advantages of synchronous and asynchronous teaching methods. As the development of technology grows, e-learning helps students in their studies in an easy manner, anytime and anywhere. E-learning has become a popular and acceptable method for educational purpose because of its flexibility and better innovativeness for new programs introduction compared to traditional methods. However, there are also have disadvantages and limitation in the process of e-learning implementation.

OBJECTIVES

The objective of this study to discuss e-learning as a teaching and learning methods including advantages and disadvantages of e-learning towards Malaysians Polytechnic system.

METHODOLOGY

This study used secondary data such as literature review from journal.

IMPACT

The impact of this study to provide exposure related to teaching and learning using e-learning method. This includes the concepts, types, advantages and disadvantages of e-learning in the process of teaching and learning delivery. This study can be used to improved the quality of e-learning delivery among the lecturers and students.



JAWATANKUASA PELAKSANA CONRED'20
SEMINAR PEMBENTANGAN DAN PENYELIDIKAN PMKU 2020



Penaung
En. Rosli bin Zainuddin

Penasihat 1
En. Ahmad Tajudin Bin Mustaffa

Penasihat 2
Pn. Adilen Lucia binti Sulil
Cik Norhaslin Binti Abu Hassan
Pn. Norsidah Binti Othman

Pengarah Program
Pn. Nurrul Hasanah binti Md Teni

Setiausaha
Cik Surayahanim binti Ali

Panel Penilai
Dr. Mohd Fadly Bin Haji Lamri
Tuan Haji Said @ Saidi Bin Muda

Pendaftaran
Pn. Sadariah Binti Mohd Ariff

Promosi dan Percetakan
Cik Nor Akashah Binti Kassim
Cik Zarina Binti Mokhtaruddin

Persegaran
Pn. Nurhidayah Binti Rafie

Sijil dan Cenderahati
Pn. Anis Shabirah Binti Md Isa

Persiapan Tempat
Cik Lee Pui Har

Penyelaras Taklimat Peserta
ConRed'20
Pn. Sadariah Binti Mohd Ariff
Cik Nor Akashah Binti Kassim

Teknikal, Multimedia dan Fotografi
Pn. Noraisah Binti Zulkifli
En Madya Bin Murat

Moderator dan Penjaga Masa
Tuan Haji Nik Mohd Haikal Bin Mohamed Hassan
Pn. Farizah Binti Mohamad

Penyelaras Rekabentuk Grafik
Cik Nor Akashah Binti Kassim



ConRed'20
SEMINAR
PEMBENTANGAN & PENYELIDIKAN
PMKU 2020



Unit Penyelidikan & Inovasi Politeknik METrO Kuantan

